

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-12
(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke-96

Jika anda tanyakan : Mengapakah aku (Imam Al-Ghazali) hubungkan ilmu fiqh dengan ilmu dunia, dan ulama-ulama fiqh dengan ulama-ulama dunia?

Aku (Al-Ghazali) menjawab, bahawa ketahuilah sesungguhnya Allah Ta'ala menjadikan Adam dari tanah dan keturunannya dari unsur-unsur bahan dari tanah dan air hanyir. Mereka dikeluarkan dari tulang sulbi laki-laki, (dimasukkan) ke dalam rahim wanita. Dari situ (keluar) ke dunia, kemudian (apabila mati) ke kubur, kemudian ke Padang Mahsyar, kemudian ke syurga atau ke neraka.

Inilah permulaan mereka dan inilah kesudahan mereka. Dan inilah tempat kediaman mereka. Dijadikan **dunia tempat mencari perbekalan untuk akhirat**, supaya dapat diperoleh dari dunia itu, apa yang patut untuk perbekalan itu.

Kalau manusia itu memperoleh (mengambil nikmat-nikmat) dunia dengan keadilan, maka lenyaplah segala permusuhan. Dan kosonglah para alim ulama dari kesibukan. Tetapi manusia itu memperoleh (mengambil nikmat-nikmat) dunia dengan nafsu syahwat, lalu timbullah bermacam-macam permusuhan. Maka perlulah kepada penguasa untuk memimpinya. **Dan penguasa itu memerlukan kepada undang-undang** untuk memimpin ummat manusia itu.

Ahli fiqh ialah orang yang tahu dengan undang-undang siasah, jalan mengetengahi (menyelesaikan permasalahan) di antara orang banyak, apabila bertengkar di bawah hukum hawa nafsu. Jadi ahli fiqh itu adalah guru sultan dan penunjuknya kepada jalan memimpin dan

mengatur makhluk supaya teratur urusan duniawi dengan kelurusan mereka.

Demi sebenarnya hal tersebut berhubungan juga dengan agama, tetapi tidaklah dengan agama itu sendiri, melainkan dengan perantaraan dunia (maksudnya - secara tidak langsung). **Karena dunia adalah tempat bercucuk-tanam bagi akhirat. Dan agama itu tidak sempurna selain dengan dunia.**

Penguasa dan agama adalah dua anak kembar. **Agama itu pokok dan penguasa itu pengawal.** Sesuatu yang tidak berpokok, roboh. Sesuatu yang tidak berpengawal, hilang. Kerajaan dan kepastian hukum (undang-undang) tak (akan) sempurna, selain dengan penguasa. Jalan kepastian hukum (undang-undang) untuk menyelesaikan persoalan pemerintahan ialah fiqh.

Sebagaimana siasah manusia dengan pemerintahan, tidak termasuk sebahagian dari ilmu agama pada tingkat pertama. Tetapi adalah **penolong** kepada sesuatu, di mana agama tidak sempurna kecuali dengan dia. Maka demikian juga pengetahuan jalan siasah.

Seperti dimaklumi bahawa ibadah haji tidak akan sempurna kecuali dengan pengawal yang mengawal (jemaah haji) dari orang-orang Arab di perjalanan. Sedang ibadah haji itu suatu hal dan berjalan menuju ibadah haji itu adalah hal kedua. Dan mengadakan pengawalan, di mana haji itu tidak akan sempurna selain dengan pengawalan itu adalah hal ketiga. Dan mengetahui cara-cara, daya upaya dan aturan-aturan pengawalan itu adalah hal keempat.

Maka **hasil dari pengetahuan fiqh**, ialah mengetahui cara kepemimpinan dan pengawalan.

Jika anda menyatakan kepadaku bahawa pendapatku tentang ilmu fiqh itu, walaupun betul, hanya mengenai hukum (undang-undang) penganiayaan, hukum denda, hutang-piutang dan penyelesaian persengketaan. Maka tidaklah betul mengenai bahagian ibadah dari hal puasa dan shalat. Dan tidak pada yang dilengkapi oleh bahagian adat dari hukum mu'amalah, dari penjelasan halal dan haram.

Tentang Islam, maka ahli fiqh itu memperkatakan tentang yang sah daripadanya, tentang yang batal dan syarat-syaratnya. Dan tidaklah diperhatikan padanya selain kepada lisan. Dan **(soal) hati tidaklah termasuk dalam lingkungan wilayah (pembicaraan dan kemahiran) seorang ahli fiqh.**

Kerana Rasulullah saw meletakkan pemegang pedang dan kekuasaan di luar hati, dengan sabdanya:

“Mengapa tidak engkau pisahkan dari hatinya?” (Muslim)

Sabda ini ditujukan oleh Nabi saw kepada seorang pembunuh yang membunuh orang yang telah mengucapkan kalimah Islam dengan alasan bahawa pengucapannya itu lantaran takut kepada pedang.

Bahkan ahli fiqh itu menetapkan sah Islam di bawah naungan pedang, padahal ia tahu pedang itu tidak menyingkapkan isi niat seseorang dan tidak menghilangkan dari hati, kebodohan dan kehairanan. Tetapi mengisyaratkan kepada pemegang pedang. Pedang itu memanjang kepada lehernya. Dan tangan itu memanjang kepada hartanya. Kalimat tadi dengan lisan adalah menyelamatkan leher dan harta, selama leher dan hartanya belum lagi terpisah daripadanya. Begitulah di dunia. Dari itu Nabi saw bersabda:

“Aku disuruh memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan Laa Ilaaha illAllaah. Apabila telah diucapkannya, maka terpeliharalah darah dan hartanya daripadaku. (Bukhari & Muslim)

Nabi saw menetapkan akibatnya pengucapan itu pada darah (nyawa) dan harta.

Adapun di akhirat, maka harta itu tidak berguna padanya. Tetapi nur (cahaya) hati, rahsianya dan keikhlasannya yang berguna (di akhirat). Dan(perbincangan tentang cahaya hati, rahsianya dan keikhlasannya) itu tidak termasuk dalam (perbincangan) bidang fiqh.

Kalau seorang ahli fiqh mencampurkan diri dalam ilmu fiqh, adalah seperti kalau ia mencampurkan diri dalam ilmu kalam dan ilmu kedokteran. Dan dia itu berada di luar bidangnya.

Mengenai solat, maka ahli fiqh itu berfatwa dengan sah bila solat itu dikerjakan dalam bentuk segala perbuatan solat serta jelas syarat-syaratnya, meskipun ia lengah dalam seluruh solatnya dari awal sampai akhirnya. (Dia) Asyik berfikir menghitung penjualan di pasar,kecuali ketika bertakbir.

Solat semacam itu tidaklah bermanfaat di akhirat, sebagaimana pengucapan dengan lisan mengenai Islam tak adalah manfaatnya.

Tetapi ahli fiqh berfatwa dengan sahnya. Ertinya apa yang telah dikerjakan, telah berhasil menuruti bunyi perintah dan terhapuslah daripadanya hukuman bunuh dan dera.

Adapun khusyuk dan menghadirkan hati yang menjadi amal perbuatan akhirat dan dengan itu bermanfaat amal zahir, maka tidaklah disinggung-singgung oleh ahli fiqh. Kalau adapun, maka adalah di luar bidangnya.

Mengenai zakat, maka ahli fiqh itu memandang yang mana dapat diminta bantuan penguasa. Sehingga apabila ada yang enggan

membayar zakat, lalu penguasa mengambilnya dengan paksa. Kerana telah diputuskan bahawa harta itu terlepas dari hak miliknya.

Menurut ceritera, bahwa Qadhi Abu Yusuf memberikan hartanya pada akhir tahun kepada isterinya, dan ia sendiri menerima pemberian dari isterinya untuk menghindarkan zakat. Maka diceriterakannya hal itu kepada Imam Abu Hanifah.

Imam Abu Hanifah menjawab : “Itu adalah dari segi fiqhnya, dan dia benar. Itu adalah dari fiqh dunia. Akan tetapi di akhirat melaratnya lebih besar dari segala penganiayaan.

Seumpama inilah kiranya ilmu yang mendatangkan melarat. Mengenai halal dan haram, maka menjaga diri dari yang haram adalah sebahagian dari agama. Tetapi wara’ itu mempunyai empat tingkat:

TINGKAT PERTAMA: ialah penjagaan diri (wara’) yang disyaratkan pada keadilan kesaksian. Iaitu bila penjagaan diri yang tersebut tidak ada, maka orang tidak boleh menjadi saksi, hakim dan wali. Penjagaan diri yang dimaksud ialah penjagaan diri dari perbuatan yang nyata haramnya.

TINGKAT KEDUA : ialah wara’ orang-orang salih. Iaitu menjauhkan diri dari segala perbuatan syubhat, yang ada padanya kemungkinan-kemungkinan yang diragukan.

Bersabda Nabi saw: **“Tinggalkanlah yang meragukan untuk diambil yang tidak meragukan.”** (Turmizi, Nasa’i & Ibnu Hibban)

TINGKAT KETIGA : ialah wara’ orang-orang yang taqwa (muttaqin). Iaitu meninggalkan perbuatan yang sebenarnya halal tetapi dikhuatiri terbawa kepada haram. Bersabda Nabi saw :

“Tidaklah orang itu bernama orang taqwa sebelum ia meninggalkan sesuatu yang tak ada apa-apanya, kerana takut kepada yang ada apa-apanya.” (Turmizi, Ibnu Majah, Al-Hakim)

Contohnya seumpama menjaga diri (wara') dari mempercakapkan hal orang, kerana takut terperosok kepada mengumpat. Dan memelihara diri dari memakan sepanjang keinginan, kerana takut bergelora semangat dan tenaga yang membawa kepada perbuatan terlarang.

TINGKAT KEEMPAT : ialah wara' orang-orang siddiqin. Iaitu berpaling (meninggalkan) selain kepada Allah Taala, kerana takut terpakai meskipun sesat dari umur, kepada tidak mendatangkan faedah lebih pendekatan diri kepada Allah 'Azza wa Jalla, walaupun ia tahu dan yakin bahawa perbuatan tersebut tidak membawa kepada haram.

